

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**OGOS/SEPTEMBER 1998**

**RAK 132 - Pengantar Alam Bina**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja: **SATU** soalan dijawab daripada setiap **BAHAGIAN A, B, C dan D** dan pilih salah **SATU** dari mana-mana bahagian.

**BAHAGIAN A**

1. (a) Bincangkan **PERANAN** aktor-aktor di dalam Industri Binaan (tidak termasuk **PENGGUNA**).
  - (b) Dengan bantuan lakaran bincangkan kehendak-kehendak kumpulan tertentu di dalam pembangunan (kanak-kanak/warga tua/ yang cacat)
- (100 markah)
2. (a) Bincangkan "Proses 5 Tahap" (5 step process) yang digunakan di dalam Proses Rekabentuk.

**ATAU**

- (b) Bincangkan proses rekabentuk di dalam praktis ikhtisas (the design process in standard practice)
- (100 markah)
3. Bincangkan kemahiran-kemahiran berikut:-
  - (a) Grafik (Graphic)
  - (b) Intelektual (Intellectual)
  - (c) Mengkritik diri sendiri (Self-Criticism)

(100 markah)

**BAHAGIAN B**

4. Sejarah adalah amat besar pengertiannya di dalam alam bina masa kini dan akan datang. Berikan sebab-sebab dan huraian di dalam usaha untuk mewujudkan suatu alam bina yang harmoni untuk kehidupan Masyarakat Malaysia.

(100 markah)

5. Nyata dan huraikan sekurang-kurangnya **LIMA** ciri penting sesuatu penghasilan alam bina dan seni bina itu adalah suatu yang berjaya.

(100 markah)

**BAHAGIAN C**

6. Manusia sentiasa dalam proses perubahan dan pertumbuhan. Tiada satu titik masa dalam kehidupan manusia itu yang serupa. Manusia itu sentiasa berinteraksi dengan alam sekelilingnya.

- (a) Bincangkan konsep alam yang dimaksudkan dan berikan faktor-faktor utama yang sentiasa mempengaruhi tingkah laku manusia seharian.
- (b) Alam bina memainkan peranan penting dalam proses perlakuan manusia. Bincangkan proses asas ini berpandukan konsep kemampuan persekitaran.

(100 markah)

7. (a) Bincangkan konsep keperluan manusia berdasarkan model yang diutarakan oleh Abraham Maslow (1954).

- (b) Bincangkan **EMPAT** daripada mekanisma-mekanisma yang boleh digunakan dalam merekabentuk bangunan dan kaitkan mekanisma ini dengan peringkat pencapaian keperluan manusia yang telah dibincangkan dalam Soalan 7(a).

- (i) Antropometrik  
(ii) Ruang peribadi  
(iii) Proksimik  
(iv) Privasi  
(v) Teritorialiti  
(vi) 'Personalization'

(100 markah)

**BAHAGIAN D (Soalan No. 8 adalah WAJIB dijawab)**

8. Berikut adalah hasil yang dijana dari penghasilan Alam Bina. **Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan-soalan (i) - (iv).**

1. Lakaran
2. Model
3. Pelan Tatatur
4. Lukisan Kerja
5. Bangunan

(i) **Niat perancang** menghasilkan sesuatu artifak Alam Bina terdapat pada

- A. 1, 2 dan 3
- B. 1, 2 dan 4
- C. 1, 2, 3 dan 4
- D. 1, 2, 3, dan 5

(ii) **Niat arkitek** menghasilkan sesuatu artifak Alam Bina terdapat pada

- A. 1 dan 2
- B. 1, 2 dan 3
- C. 1, 2, 4 dan 5
- D. 1, 2, 3, 4 dan 5

(iii) **Niat kontraktor** menghasilkan sesuatu artifak Alam Bina terdapat pada

- A. 4 dan 5
- B. 2, 4 dan 5
- C. 1, 2, 4 dan 5
- D. 1, 2, 3, 4 dan 5

(iv) **Hasil kontraktor** menghasilkan sesuatu artifak Alam Bina terdapat pada

- A. 5
- B. 1 dan 5
- C. 2 dan 5
- D. 1, 2 dan 5

(100 markah)

9. Ilustrasikan Nodus dan Laluan pada ketiga-tiga skala dalam RAJAH 1.



**RAJAH 1**

(100 markah)

-ooo00ooo-